

Pakei baru pelbagai isu dengan Singapura dibincang September

UM 5 AUG 2002

MELAKA 4 Ogos — Malaysia akan mengadakan mesyuarat dengan Singapura awal bulan depan bagi membincangkan pakej baru yang sedang diusahakan untuk menyelesaikan pelbagai isu berkaitan hubungan kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Sved Hamid Albar berkata, kerajaan berharap perbincangan itu yang akan diadakan di republik berkenaan akan dapat menghasilkan satu keputusan yang memihak kepada negara ini.

"Kita akan adakan mesyuarat di Singapura pada 2 dan 3 September ini dan di harap dapat mencapai sesuatu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapama

pada Seminar Wilayah Asia Mengenai Punca Keganasan dan Peranan Generasi Muda anjuran Yayasan Belia Sedunia (WYF) di sini hari ini.

Beliau mengulas perkembangan terkini mengenai pakej penyelesaian baru, termasuk soal bekal air ke republik itu, yang sedang diusahakan oleh kedua-dua negara berkenaan.

Syed Hamid sebelum ini dilaporkan berkata Kerajaan Singapura telah menerima cadangan tersebut dan memaklumkan pihaknya memerlukan sedikit masa untuk mengkaji pakej yang dicadangkan oleh Malaysia itu.

Pada 13 Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

berkata, Malaysia sedang mengusahakan satu pakej baru untuk dibincangkan dengan Singapura bagi menyelesaikan pelbagai isu yang membabitkan hubungan dua hala.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah mempunyai idea dan formula baru bagi pakej tersebut.

Katanya, pakej tersebut mengandungi pelbagai perkara termasuk isu-isu baru yang timbul.

Mengulas lanjut, Syed Hamid berkata, Malaysia berharap pakej penyelesaian bar-u yang dicadangkan dapat diterima oleh republik berkenaan demi kepentingan hubungan dua hala kedua-dua negara itu.